



Ruj.Kami : JPA.BK(S) 134/8/58 Jld.3 (101)

Tarikh : 19 September 2017

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin/ Tuan/ Puan,

**PERSEDIAAN PENGISIAN KEKOSONGAN JAWATAN PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/ OPERASI) [PT(P/O)] GRED N26 PERKHIDMATAN GUNASAMA
PERSEKUTUAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam proses persediaan pengisian jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N26 dan dengan ini memohon pihak YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Datuk / Dato' / Datin / tuan / puan untuk mengemukakan maklumat pegawai-pegawai yang layak dipertimbangkan pemangkuan bagi jawatan berkenaan. Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 layak dipertimbangkan pemangkuan ke Gred N26 apabila memenuhi syarat-syarat berikut:-

- 2.1 Dinaikkan pangkat sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N22 pada **30 Jun 2009 dan sebelum;**
- 2.2 **Tidak hilang keananan yang boleh menyebabkan tarikh kenaikan pangkat ke Gred N22 berubah ke tarikh 1 Julai 2009;**
- 2.3 Markah wajaran LNPT bagi tiga (3) tahun terkini (2014, 2015 dan 2016) **tidak kurang 80%;**
- 2.4 Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)(salinan hendaklah disertakan bersama dengan permohonan);
- 2.5 Telah mengisytiharkan harta berdasarkan peraturan yang sedang berkuat kuasa;
- 2.6 Bebas daripada tindakan atau hukuman tatatertib;

2.7 Bebas daripada disenaraikan sebagai Peminjam Pendidikan Tegar daripada institusi pinjaman pendidikan; dan

2.8 **Diperakukan oleh Ketua Jabatan.**

3. Semua permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Lampiran A, Lampiran B dan Lampiran C** seperti disertakan dan calon-calon yang **bersedia** untuk **penempatan semula mengikut kekosongan di seluruh negara sahaja digalakkan memohon untuk urusan pemangkuan ini.**

4. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Dato' / Datin / tuan / puan adalah dipohon untuk mengemukakan **dokumen yang lengkap** bagi setiap pegawai yang berada di bawah seliaan Kementerian/Jabatan/Agensi YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Dato' / Datin / tuan / puan ke Bahagian Perkhidmatan **sebelum atau pada 17 Oktober 2017** di alamat:

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Perkhidmatan
Aras 1, Blok C2, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 Putrajaya
(u.p.: Encik Mohd Zulkefley Bin Mohd Sabri)

5. Diingatkan bahawa adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) Kementerian/Jabatan/Agensi di bawah seliaan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Dato' / Datin / tuan / puan untuk **memastikan hanya permohonan** daripada pegawai **yang memenuhi syarat** seperti di **Perenggan 2 sahaja dikemukakan ke JPA**. BPSM juga perlu **menyemak dan mengesahkan semua maklumat** yang dikemukakan adalah **tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini (hanya salinan buku rekod perkhidmatan pada muka surat tarikh kenaikan pangkat pegawai ke Gred N22 yang perlu disertakan bersama permohonan)**. Sebarang **kesilapan fakta** yang telah **disahkan** oleh **BPSM** boleh menyebabkan **permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap** atau **lewat diterima tidak akan diproses** dan adalah menjadi **tanggungjawab pegawai** yang memohon untuk **menyemak** sama ada permohonan telah diterima oleh urus setia **sebelum** tarikh tutup.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan pemangkuan ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:


- i. Tuan Syed Zahrin Bin Syed Abdul Rani - 03-8885 4943
zahrin.rani@jpa.gov.my
- ii. Puan Siti Nur Farhana Binti S. Ismail - 03-8885 4176
farhana.ismail@jpa.gov.my

7. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' Seri / Dato' Sri / Dato' / Datin / tuan / puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MOHD ZULKEFLEY BIN MOHD SABRI)
Cawangan Pengurusan Perkhidmatan ~~G~~unasama
Bahagian Perkhidmatan

b.p. : Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

MALAYSIA



: 03-8885 4110



: zulkefley.sabri@jpa.gov.my